

# Brings Data to Life

1 Oktober 2021 | SIRI 3/2021

“StatsDW merupakan salah satu inisiatif transformasi digital DOSM untuk melengkapkan Malaysia dengan Gudang Data Statistik Nasional (*National Statistical Data Warehouse*). Platform StatsDW juga akan memperkukuhkan keupayaan dan kapasiti sumber manusia dan infrastruktur pendigitalan penyampaian perkhidmatan DOSM.”

“Projek StatsDW® 2.0 dijangka dapat membawa perubahan besar kepada prosedur operasi standard DOSM agar bergerak maju bagi meningkatkan kualiti dan ketelusan penyampaian perkhidmatan kerajaan menerusi pengurusan data yang tepat, cepat, relevan, mesra pengguna dan lebih terselaras.”



## **Puan Jamaliah Jaafar**

Pengarah

Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data

Jabatan Perangkaan Malaysia

Merangkap Pengarah Projek (Bisnes)

Projek StatsDW 2.0

## **TADBIR URUS DAN TERMA RUJUKAN PROJEK STATSDW 2.0**

Setiap projek ICT perlu mempunyai punca kuasa yang jelas daripada pengurusan atasan secara rasmi dan diuruskan oleh satu Pasukan Pengurusan Projek yang khusus dan diterajui oleh personel yang berpengalaman.

Projek StatsDW 2.0 mempunyai struktur tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT. Struktur tadbir urus utama dalam pelaksanaan Projek StatsDW 2.0 adalah melalui pembentukan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta satu Pasukan Projek.

Antara terma rujukan utama Tadbir Urus dan Pasukan Projek StatsDW 2.0 adalah seperti berikut:

### Jawatankuasa Pemandu Projek StatsDW 2.0

1. Menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek.
2. Memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh.
3. Meluluskan setiap pembayaran projek yang hendak dilakukan.
4. Menyelesaikan isu dasar yang timbul berkaitan projek.
5. Meluluskan dan mengesahkan pelaksanaan setiap peringkat projek.

### Pasukan *Project Management Office (PMO)*

1. Melaksanakan urusan pentadbiran projek.
2. Memastikan semua urusan mesyuarat dan logistik berkaitan pelaksanaan projek dijalankan mengikut jadual.
3. Merekodkan semua keputusan berkaitan projek dan menyalurkan keputusan tersebut melalui cabutan minit kepada semua yang berkenaan.
4. Menyedia dan melaporkan status kemajuan projek kepada Pengurusan dan memberi laporan secara ad hoc bagi sebarang masalah yang timbul.
5. Membantu Pengarah Projek dan Pengurus Projek dalam melaksanakan tugas.
6. Menguruskan kontrak dan mencadangkan penguatkuasaan terma kontrak.
7. Menguruskan risiko, isu dan sebarang pindaan yang timbul dalam pelaksanaan projek.

### Pasukan Hadoop / Infrastructure / Security

1. Bertanggungjawab dalam mengkaji dan mengenal pasti keperluan infrastruktur ICT bagi menyokong pembangunan sistem.
2. Memastikan perisian, perkakasan dan pembangunan sistem yang dijalankan memenuhi ciri-ciri keselamatan, *interoperability*, *scalability* dan *sustainability* dan memastikan pelaksanaan sokongan pencegahan dan sokongan pemulihan kepada sistem, perisian dan perkakasan adalah *reliable*.
3. Menyemak dan mengesahkan hal-hal berkaitan infrastruktur ICT dan keselamatan.

### Jawatankuasa Teknikal Projek StatsDW 2.0

1. Memantau dan memastikan pelaksanaan projek memenuhi skop projek dan memenuhi jadual yang ditetapkan.
2. Menyemak dan memastikan serahan projek memenuhi keperluan yang ditetapkan.
3. Mengkaji isu dasar yang timbul semasa pelaksanaan projek dan memperakukan cadangan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu untuk kelulusan.
4. Memberi penyelesaian kepada isu bisnes dan Teknikal yang timbul semasa pelaksanaan projek.
5. Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu.

### Pasukan Bisnes / Dasar

1. Bertanggungjawab ke atas semua keperluan bisnes, dasar dan polisi.
2. Menasihati pasukan projek bagi memastikan dasar terkini dan selari dengan sistem yang dibangunkan.

### Pasukan Aplikasi *Smart Data Partnership (SDP)*, *Smart Data Lake Management (SDLM)*, *Smart Data Communication (SDC)* & *Management Module (MM)*

1. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan kajian keperluan bisnes bagi projek.
2. Membantu menyemak dan mengesahkan penyediaan Pelan Pembangunan Sistem.
3. Membantu dalam pelaksanaan kajian keperluan bisnes bagi projek.
4. Menyelaras aspek membangun, mengintegrasikan dan menguji aplikasi.
5. Mengesahkan dan melaporkan status kemajuan projek kepada *Project Management Office*.

## Pasukan *Change Management* / *Promotion & Publicity* dan *Training of Trainers (ToT)*

1. Menyemak dan mengesahkan Pelan Pengurusan Perubahan, Pelan *Publicity & Promotion* dan Polisi Pemindahan Teknologi (ToT).
2. Memantau pelaksanaan aktiviti Pelan *Change Management* / *Publicity & Promotion* / Polisi Pemindahan Teknologi (ToT) termasuk kolaborasi dengan agensi.
3. Membantu merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti publisiti dan promosi.
4. Menyelaras semua hebahan dan komunikasi Projek.
5. Merancang dan melaksana strategi berkaitan publisiti, promosi dan penjenamaan.
6. Menyelaras penyediaan, menyemak dan mengesahkan *Training Plan* serta menilai keberkesanan program ToT.
7. Menyelaras dan memantau pelaksanaan Program, Latihan dan Pemindahan Teknologi seperti dirancang/ditetapkan dalam pelaksanaan.
8. Membantu dalam pembangunan kepakaran dan kompetensi.

## Pasukan *Blueprint*

1. Memastikan Pembangunan *Blueprint* memenuhi keperluan bisnes Jabatan.
2. Menyelaras keperluan DOSM untuk Pembangunan *Blueprint* bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan StatsDW bagi tempoh yang ditetapkan.
3. Menyemak dan mengesahkan Pembangunan *Blueprint* memenuhi keperluan Jabatan.

## Pasukan *Testing* / Pematuhan Kualiti

1. Merancang dan menguji keseluruhan sistem (fungsi dan bukan fungsi) bagi memastikan penggunaan sistem berjalan dengan lancar sebelum diserahkan kepada pengguna.
2. Memastikan pengujian modul dilaksanakan mengikut jadual.
3. Menyemak dan mengesahkan sebarang pindaan (sekiranya ada) telah dibuat sebelum sistem digunakan.
4. Memastikan laporan pengujian disemak dan disahkan oleh Pasukan Projek.

Untuk Terma Rujukan yang lebih terperinci anda boleh merujuk kepada Pasukan Projek StatsDW 2.0.

## Aktiviti Pengurusan Perubahan Projek StatsDW 2.0



**Bengkel *Change Management* Projek StatsDW 2.0 bersama Pengurusan Atasan DOSM dan Pegawai Gred 48 ke atas**

Tarikh: 6 September 2021  
Platform: Dalam Talian melalui aplikasi ZOOM



Pelancaran Go-LIVE

148 Hari Lagi